



## PEMAKLUMAN

---

### MAJLIS TVET SERU GRADUAN TVET DAPATKAN PENGIFTIRAFAN DENGAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

---

Mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Pengurus MTVET pada 23 Januari 2024. Dalam mesyuarat tersebut, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah membentangkan kertas berkaitan Peranan MBOT dalam Memperkasa Graduan TVET.

Mesyuarat tersebut bersetuju agar graduan TVET yang telah menamatkan latihan supaya berdaftar dengan MBOT. Ini bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme sekaligus meningkatkan produktiviti industri melalui pembangunan kapasiti dan bakat.

Dalam memastikan kualiti graduan TVET, mereka turut digalakkan untuk mendapatkan nilai tambah dengan menyertai program-program latihan dan pembangunan berterusan anjuran MBOT atau *MBOT Approved Training Provider*.

Sehubungan dengan itu, MBOT mempelawa semua institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran awam dan swasta untuk mendaftarkan graduan mereka dengan MBOT sebagai Juruteknik Berkelayakan atau Teknologis Berijazah.

-TAMAT-

---

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)  
[t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)  
+603-8800 6268/+6017-798 2604